

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas soalan Prinsip Perakaunan 3756/2 mengandungi 6 soalan dan dibahagikan kepada Bahagian A dan Bahagian B. Dalam Bahagian A mengandungi 4 soalan yang wajib dijawab semua. Dalam Bahagian B, diberikan 2 soalan pilihan dan calon boleh memilih mana-mana soalan yang dikehendaki. Masa yang diperuntukkan kepada calon ialah 2 jam 30 minit dengan jumlah markah 80. Markah yang diperuntukkan untuk setiap soalan adalah seperti berikut :

Bahagian A:

Soalan 1	28 markah
Soalan 2	19 markah
Soalan 3	13 markah
Soalan 4	8 markah

Bahagian B:

Soalan 5	12 markah
Soalan 6	12 markah

PRESTASI KESELURUHAN

Pada keseluruhannya, prestasi pelajar adalah pada tahap sederhana dan pencapaian mereka bergantung kepada soalan yang dijawab. Pada tahun ini didapati terdapat peningkatan prestasi pelajar dalam soalan 1 dan 2. Pelajar dapat menentukan jenis Buku Catatan Pertama yang terlibat dengan tepat dan kes catatan dua kali di Buku Catatan Pertama telah berkurangan. Ketepatan catatan pengeposan dari Buku Catatan Pertama ke lejar juga menggambarkan penguasaan prinsip catatan bergu di kalangan pelajar semakin meningkat.

Bagi soalan 2, penyediaan penyata kewangan dalam format 'T' telah berkurangan dan jawapan calon banyak menepati kehendak soalan. Walau pun Kunci Kira-kira disediakan dalam bentuk penyata tetapi terdapat segelintir calon gagal menghitung modal kerja dengan tepat.

Walaupun bagaimanapun, mutu jawapan bagi soalan 3 kurang memuaskan kerana pelajar masih belum menguasai format penyediaan Akaun Pengeluaran. Ini mungkin disebabkan kurangnya persediaan di kalangan calon kerana soalan tersebut di luar jangkauan mereka. Calon lemah cenderung menyediakan Akaun Pengeluaran bermiripkan Penyata Pendapatan di mana komponen kos overhead dianggap sebagai belanja dan melakukan operasi tolakan.

Bagi soalan 4 pula, majoriti calon hanya menjawab bahagian (a) dan (c). Catatan lejar diabaikan. Kebanyakan butir yang digunakan tidak lengkap atau tidak tepat. Banyak catatan ulangan berlaku di sini.

Di Bahagian B (soalan pilihan), majoriti calon cenderung memilih soalan 5 berbanding soalan 6. Terdapat peningkatan dalam mutu jawapan calon. Kecuaian yang ditunjukkan adalah dalam merekod rugi realisasi apabila wujudnya percampuran kaedah dan gabungan jualan aset dengan kutipan dari penghutang. Bagi calon yang menjawab soalan 6, kehilangan markah mereka disebabkan format songsang serta catatan butir modal dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Calon Dalam Kumpulan Tinggi

Pada keseluruhannya, calon dalam kumpulan ini berjaya menjawab dengan baik dan menepati kehendak peraturan pemarkahan. Calon memahami kehendak atau tugas soalannya dan dapat mempersembahkan jawapan secara terancang, kemas dan mengikut format yang tepat. Calon menguasai konsep-konsep perakaunan dalam menjawab semua soalan. Hanya terdapat kesilapan kecil seperti kecuaiian dalam ejaan akaun persaoangan dan penggunaan singkatan butir dalam jawapan calon.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Bentuk dan isi jawapan calon tidak memuaskan dalam semua soalan yang dijawab oleh calon. Sebahagian besar calon dalam kumpulan ini hanya mampu menjawab 3 daripada 5 soalan yang dikemukakan iaitu soalan nombor 1, 2 dan 5 dengan baik. Dua soalan lain tidak mengikut format/susunan yang betul. Terdapat banyak kesilapan terutama dalam penggunaan operasi tolak atau tambah di bahagian/tempat yang salah.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Jawapan calon dalam kumpulan ini lemah. Calon hanya menjawab satu atau dua soalan sahaja dan kebiasaannya menjawab soalan nombor 1 dan 2. Jawapan calon pula tidak lengkap serta tidak menyediakan jawapan dalam format/susunan yang lengkap, tepat dan teratur. Butir dalam jawapan bercampur aduk, tidak menguasai komponen kos serta terdapat unsur 'meneka' dalam jawapan mereka. Terdapat juga calon yang menjawab satu soalan sahaja atau sekadar menyalin soalan. Calon tidak menggunakan kertas jawapan yang dibekalkan dengan betul iaitu menggunakan kertas jawapan 'Lembaran Kerja' untuk menjawab soalan nombor 2.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1a

Calon cemerlang dapat mengenalpasti Buku Catatan Pertama yang diguna pakai bagi sesuatu urusan niaga dan menyediakannya dalam format yang betul.

Walau bagaimanapun, kumpulan yang lemah sering melakukan kesalahan-kesalahan berikut :

- 1. Tidak dapat menentukan urusan niaga yang tepat daripada dokumen sumber**
 - (i) Calon yang lemah tidak dapat membezakan antara urusan niaga kredit bagi belian aset bukan semasa dengan belian stok. Ini menyebabkan pembelian alatan pejabat direkod di dalam Jurnal Belian.

Jurnal Belian			
tarikh	Butir		Jumlah
27	Intan Porcelain		8100
27	Alpine Trading		1150
	Akaun Belian	D+	9250

- (ii) Calon gagal mengenalpasti kegunaan Dokumen 1 iaitu Borang Simpanan. Dokumen ini hanyalah merupakan pengukuhan kepada maklumat catatan permulaan. Ini menyebabkan ramai calon mentafsirnya sebagai catatan kontra dan merekod di Buku Tunai.

Buku Tunai											
TARIKH	BUTIR	BANK	BERI	TUNAI	BANK	TARIKH	BUTIR	BANK	BERI	TUNAI	BANK
2005						2005					
30	Modor				1500	Jun 1	Bank				1500
1	Bank	(K)		1000		6	Bank				800
3	Jualan				1000	10	Intan Porcelain		3TR		7182
18	Jualan				1000	28	Amalan			1000	
30	Bank	h/b			20782	30	Gaji			500	
						29	Bank	h/b		14000	
				16000	20982				200	16000	20982
30	Bank	h/b		14400		Jul 1	Bank	h/b			20782

- (iii) Bagi Dokumen 3, catatan kontra dari bank ke perniagaan disalah tafsir sebagai ambilan tunai. Ini memberi kesan kepada butir di Buku Tunai.

2. Kurangnya perhatian calon terhadap tarikh imbangan dalam Jurnal Khas

Terdapat calon yang mengimbang pada tarikh Jun 31 dan ada pula calon yang terlupa terus merekod tarikh imbangan iaitu Jun 30

Jurnal Jualan			
tarikh	Butir		Jumlah (RM)
5	Perniagaan Sivam		850
10	Kedai Pasu sim		2300
(?)	Akaun Jualan (kt)		3190

3. Kesalahan format penyediaan Jurnal Khas

Calon yang lemah cenderung menyediakan jurnal khas bermiripkan jurnal am atau mengikut format jurnal am (lajur yang berlabelkan debit dan kredit).

4. Wujudnya catatan dua kali dalam Buku Catatan Pertama bagi urus niaga yang sama.

Ambilan tunai dan pembelian alat tulis secara tunai telah dibukukan dua kali iaitu dalam Buku Tunai dan juga dalam Jurnal Am.

BUKU TUNAI = 1562 - 21(6) - 021

TARIKH	BUTIR	DISKAUN DIBERI	TUNAI	BANK	TARIKH	BUTIR	DISKAUN DITERIMA	TUNAI	BANK
2005					2005				
Jun 1	Mula			17200 14400	Jun 1	Tunai	(K)		15000
1	Bank	(K)	15000		6	Belian			800
3	Jualan			1000	10	Intan Porcelain	378		7182
17	Jualan			1030	28	Ambilan		100	
30	Bank	b/b		20752	30	Gaji		500	
					20	Bank	b/b		14400
			15000	20982			378	15000	20982
30	Bank	b/b	14400		Julai 1	Bank	b/b		20752

JURNAL AM

Jun 28	Ambilan			100	
	Belian				100
	(Ambilan untuk penggunaan sendiri)				

5. **Kekerapan kesilapan dalam ejaan nama akaun perseorangan (penghutang /pemiutang) di dalam Buku Catatan Pertama seperti berikut:**
- (i) Perniagaan Sivan/Sivam menggantikan "Perniagaan Sivam"
 - (ii) Kedai Pasu Siam/ Kedai Pasu/Kedai Sim/Kedai Pasu Bunga menggantikan "Kedai Pasu Sim"
 - (iii) Intan Porceline/ Intan Porselin menggantikan "Intan Porcelin"
 - (iv) Alphine Trading/Alpline Trading/Alline Trading menggantikan "Alpine Trading"

Nota: Kesilapan ejaan nama akaun perorangan turut menjejaskan tajuk akaun di lebar.

6. **Penggunaan butir yang salah dalam merekod urus niaga tunai di Buku Tunai seperti berikut:**
- (i) Pembelian alat tulis secara tunai menggunakan butir "Perniagaan Alat Tulis Jaya Megah"
 - (ii) Pembelian perabot dengan cek menggunakan butir "Perniagaan Perabot Guan"
 - (iii) Jualan stok secara tunai menggunakan butir "Firza Andaman"

7. **Kesilapan catatan diskaun diterima di dalam Buku Tunai**

Calon yang lemah kebiasaannya tertinggal mencatatkan angka diskaun diterima di dalam Buku Tunai atau menganggapnya sebagai diskaun diberi.

8. Catatan kontra direkod secara songsang di Buku Tunai

No. Kad Pengenal.....

BUKU TUNAI

Tarikh	Butir	Diskaun	Bank	Tunai	Tarikh	Butir	Diskaun	Bank	Tunai
2005									
1	Modal		1500		3	Bank			1000
					4	Alat tulis			100
3	Tunai		1000		6	Alatan pejabat		500	

Soalan 1b

Berikut adalah kekerapan kesilapan yang sering berlaku semasa catatan di lejar.

- Merekod di sebelah yang salah atau songsang dari segi debit dan kreditnya di dalam akaun**

Sebagai contoh, diskaun diterima direkod di sebelah debit. Ini menyebabkan diskaun tersebut dianggap sebagai diskaun diberi

- Merekod butir yang tidak tepat bagi angka jumlah dalam Buku Catatan Pertama yang diposkan ke lejar pada tarikh imbangan**

Calon yang lemah cenderung untuk menggunakan nama pemiutang /penghutang bagi menggantikan butir "Pelbagai Pemiutang" atau " Pelbagai Penghutang" dalam Akaun Belian, Akaun Pulangan Belian, Akaun Diskaun Diterima dan Akaun Jualan

- Penyediaan Akaun Kawalan Penghutang dan Akaun Kawalan Pemiutang bagi menggantikan akaun-akaun perorangan pemiutang dan penghutang**

- Penyediaan Akaun Tunai dan Akaun Bank walau pun Buku Tunai telah disediakan. Ini akan merugikan calon dari segi pengurusan masa menjawab.**

- Penggunaan butir yang salah untuk merekod pembukuan awal ke lejar**

Butir "Baki b/b" digunakan untuk menggantikan butir "modal" di Buku Tunai dan di Akaun Perabot

- Kelemahan dalam penentuan nama akaun yang tepat.**

Calon didapati merekod ke dalam akaun yang salah atau menggunakan nama akaun yang salah. Sebagai contoh, Akaun Perabot digantikan dengan tajuk Akaun Rak manakala Akaun Alat Pejabat digantikan dengan tajuk Akaun Mesin

Soalan 1c

- Angka dalam Imbangan Duga tidak mempunyai rujukan dari lejar**

Calon tidak mengimbang akaun untuk menentukan baki akhir sebagai asas kepada penyediaan Imbangan Duga. Jawapan sekadar mempunyai jumlah sahaja.

2. Kesilapan pemindahan baki akaun ke Imbangan Duga

- (i) Angka baki awal tunai dan bank di Buku Tunai dianggap sebagai baki akhir dan direkod di Imbangan Duga
- (ii) Terdapat calon yang menyediakan Buku Tunai dan juga Akaun Bank. Baki akhir di Akaun Bank telah dicatat di Imbangan Duga sebagai baki akhir. (Baki akhir di Buku Tunai dan di Akaun Bank adalah berbeza).

Soalan 2a

Bagi calon cemerlang dapat menguasai sepenuhnya kemahiran dalam Menyediakan Penyata Pendapatan. Jawapan dari segi butir, angka dan format penyata adalah betul dan menepati peraturan pemarkahan.

Walaupun bagaimanapun terdapat segelintir calon tidak dapat menguasai kemahiran penyediaan penyata dalam format yang betul serta lemah dalam menyelesaikan masalah arahan pelarasan. Calon juga gagal mengenal pasti butir yang biasa terdapat dan yang tidak boleh dicatat dalam Penyata Pendapatan. Kegagalan menguasai kemahiran-kemahiran tersebut menyebabkan calon kehilangan markah walaupun butir dan angka yang dicatat adalah betul. Jawapan calon menjadi salah apabila butir dan angka adalah salah.

Berikut adalah contoh kesalahan dan kesilapan yang kerap ditemui dalam jawapan calon:

1. Kesalahan format

- (a) Butir bagi komponen belian terpisah dan kedudukan stok adalah salah.

Kedai Runcit Cahaya						
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 September 2005						
				RM	RM	RM
Jualan					25400 $\frac{1}{2}$	
Tolak Pulangan Jualan					504 $\frac{1}{2}$	
Kos Jualan						24896
Belian				14188	14188 \times	
Tolak stok awal		940		9408 \times		
Upah atas belian			150	150 \times	9558 \times	
						4600
Kos barang untuk dijual						20296

Bilaga Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Sept 2005 ✓			
Jualan			25400 ✓
- Pul. Jualan	20000	2	10000 ✓
Jumlah Bersih			15400
Belian		← 14426	
(+) Stok awal		" 9408	
Kos Berang untuk dijual		23834	⊖
- Stok akhir		1305 X	
(+) upat atas belian		100 X	
Kos Jualan			112379 ✓
UNTUNG KASAR			12517 ✓

- (b) Butir bagi komponen kos jualan tidak lengkap atau salah serta terdapat unsur 'butir asing'

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30.9.2005 ✓			
37562 - 520.03			
Jualan			25400 X
Stok awal		10505 X	
Belian	14426 X		
Pul. belian	504 X	13922	⊖
		24427	
(-) Stok akhir		9408 X	
Kos belian			15019
			10381
(+) ambilan			2382
untung kasar			10619

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 September 2005			
Jualan			25400
(-) Piutang Jualan			509
Kos Jualan	3762 - 500 - 04		29896
Belian		14426	
Stok awal		10505	
Komitmen Penghutang		3180	
Pemutang		11800	
(-) Peruntukan susut nilai kenderaan	700	10000	
Kenderaan (kos)		10000	
(-) Susut nilai kenderaan (kos)	100		
			39111
(-) Belanja			

(c) Jawapan dalam format 'T' dan butir bercampur-adok

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 September 05				
Belian	14426	14426	Jualan	25400
(-) Stok awal	9908	9908	Komisen	279
		5021	Peruntukan susut nilai	200
(-) Piutang jualan		509		
		5525		
		015		

(d) Kedudukan hasil dalam penyata pendapatan adalah salah (kedudukan komponen hasil mestilah sebelum komponen belanja)

Kos barang untuk dijual					20296
Tolak Belanja					
Sewa				4200	
Kadar bayaran				815	
Gaji				2400	7415
Tambah hasil					12881
Komisen				274	
Faedah pinjaman bank				145	419
Untung Bersih					13300

2. Kesalahan butir/ angka atau kedua-duanya sekali

- Angka stok akhir tidak mengambil nilai terendah antara kos dan pasaran. Ini menyebabkan angka stok akhir dan juga kos jualan tidak tepat.
- Penggunaan singkatan bagi butir-butir berikut:

Butir yang salah (singkatan)	Butir yang betul dan tepat
PSN	Peruntukan Susut nilai
PHR	Peruntukan Hutang Ragu

- Angka belian tidak ditunjukkan dengan nilai bersih. Calon menunjukkan dalam jawapan butir 'ambilan' sebagai tolakan kepada angka belian asal. Butir ambil adalah merupakan butir asing dan kesannya angka belian adalah salah.
- Tidak mencatat butir 'kos jualan' untuk angka sebenar ataupun tiada pengenalan butir untuk angka kos jualan.

3. Kesalahan kerana wujudnya butir asing

Terdapat item Kunci Kira-kira dicatat dalam Penyata Pendapatan seperti Sewa Terdahulu dan Pinjaman Bank.

4. Kesalahan/ kesilapan kerana terdapat unsur catatan dua kali

Butir yang dicatat dalam Penyata Pendapatan adalah betul tetapi ianya juga terdapat di Kunci Kira-kira dengan butir dan angka yang sama. Jawapan calon dalam Penyata Pendapatan dan Kunci Kira-kira adalah salah kerana terdapat unsur meneka.

Soalan 2b

Bagi calon cemerlang dapat menyediakan Kunci Kira-kira dengan tepat dan betul mengikut kehendak soalan dan menepati peraturan pemarkahan. Dalam kes ini hanya segelintir pelajar berada dalam kategori ini.

Sebahagian besar calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kesalahan/kesilapan mencakupi antara lain kesalahan format, angka dan butir. Terdapat juga kesalahan kerana mencatat item Penyata Pendapatan dalam Kunci Kira-kira.

Antara kesalahan/kesilapan paling ketara dalam jawapan calon adalah:

1. Kesan format

Calon gagal menyediakan Kunci Kira-kira dalam bentuk penyata yang menepati persamaan $ABS + (AS - LS) = EP + LBS$. Sebagai contoh calon yang menyediakan Kunci Kira-kira dengan persamaan $ABS + AS - LS - LBS = EP$ akan menyebabkan angka 'modal kerja' dan semua butir dalam komponen AS, LS dan LBS dikira salah walaupun butir dan angka dalam komponen tersebut adalah betul dan tepat.

2. Kesalahan butir dalam mana-mana komponen ABS, AS, LS, LBS dan EP

Calon tidak pasti butir bagi setiap komponen tersebut dengan itu terdapat butir jawapan calon bercampur-aduk

- Sewa Terdahulu dicatat di dalam komponen Liabiliti Semasa
- Butir Peruntukan Hutang Ragu dicatat secara berasingan daripada butir penghutang dan dengan itu tiada kesan tolakan daripada angka penghutang (sepatutnya ditunjukkan secara berdekatan dengan butir penghutang).
- Butir Peruntukan Susut nilai tidak ditunjukkan sebagai butir tolakan pada aset bukan semasa berkenaan dalam komponen Aset Bukan Semasa.
- Stok awal telah dicatat dalam komponen Aset Semasa dan pinjaman bank dalam komponen Liabiliti Semasa.

Ekuiti Pemilik :				
Modal awal				15974
→ Stok akhir			10505	10505
→ Ambilan	37562	-	536	-01
			238	10743
Liabiliti semasa				5231
- Sewa			14	
- Hutang			1450	
- Pinjaman Bank			530	
Pinjaman Bank			145	

3. Kesalahan/kesilapan kesan operasi campur dan tolak

Sebahagian besar calon menyediakan Kunci Kira-kira dengan kedudukan susunan komponen yang betul tetapi kesan hasil operasi yang salah. Sebagai contoh calon menunjukkan jawapan:

$$ABS - (AS - LS) = EP + LBS \text{ atau } ABS + AS - LS = EP + LBS$$

2 Kedai Runcit Cahaya		Kunci kira-kira pada 30 September 2005		
Aset Bukan Semasa		RM	RM	RM
Kenderaan		R	10 000	
Tolak Peruntukan sewajarnya			1700	8300
Aset Semasa				
Pembiutang			3180	
Tolak Peruntukan hutang ragu			159	3021
sewa terdahulu			3021	700
			700	
Tolak Liabiliti semasa			3721	
Pembiutang		1800		
Bank		500		
Tunai		1450	3250	
- If modal keajaiban (2 1/2)			2	471
Modal kerja				7829

4. Kesalahan/ kesilapan kerana catatan dua kali

Sebahagian kecil pelajar hilang markah bagi catatan yang butir dan angkanya betul di Kunci Kira-kira kerana catatan yang sama juga terdapat di Penyata Pendapatan. Sebagai contoh 'ambilan' dicatat dengan betul di Kunci Kira-kira tetapi ditunjukkan juga di Penyata Pendapatan sebagai butir asing. Begitu juga dengan beberapa butir yang lain.

5. Kesalahan menulis tajuk atau sub-tajuk

- Menggunakan tajuk: "Penyata Kunci Kira-kira pada" atau "Kunci Kira-kira bagi tahun berakhir" yang sepatutnya ditulis sebagai "Kunci Kira-kira pada....."
- Sub-tajuk bagi ABS dan AS tetapi mengandungi juga butir bagi komponen lain.

Kunci kira-kira pada 30 September 2005

Aset Semasa			
Kenderaan	2k	10000	10000
Tunai	2k	200	200
Gaji Bank		530	530
			10730
Aset Bukan Semasa			
Stok awal		10505	
Penghutang		3180	
Sewa		4900	
			18585

6. Kesalahan/kesilapan dalam komponen Ekuiti Pemilik

- Menggunakan singkatan bagi butir Untung Bersih yang ditulis sebagai 'UB' sahaja
- 'ambilan' telah tersalah campur
- Pinjaman bank telah dicampur untuk mendapat modal akhir

7. Kesalahan/ kesilapan menggunakan singkatan butir

Hanya segelintir calon menggunakan singkatan butir dalam Kunci Kira-kira. Singkatan butir yang lazim digunakan ialah PSN bagi Peruntukan Susut Nilai, UB bagi Untung Bersih dan PHR bagi Peruntukan Hutang Ragu.

		Kunci kira-kira pada 30 September 2005	
Aset Semasa:			
Kenderaan:		10000	
(-) PSN		1000	
			9000
Aset bukan semasa:			
Penghutang:		3180	
(-) PPR:		150	
			3030
Tunai			200
Faedah			195
			3366

Soalan 3

Calon yang cemerlang dapat menyediakan Akaun Pengeluaran mengikut format yang betul dengan tiga komponen kos ditunjukkan dengan jelas iaitu kos bahan mentah digunakan, kos buruh langsung dan kos overhead. Tajuk Akaun Pengeluaran juga dapat ditulis dengan betul.

Jawapan calon yang lemah pula menampakkan kelemahan mereka menguasai konsep kos pengeluaran. Berikut adalah kesilapan-kesilapan yang kerap ditemui dalam jawapan calon:-

1. **Butir dalam komponen kos bercampur aduk iaitu tidak berada dalam komponen yang betul.**
 - (a) Bahan bakar dan bahan bungkusan dimasukkan dalam komponen kos bahan mentah

kilang Bantu. Kasu.

Akaun pengeluaran bagi tahun Berakhir 30 Jun 2005

Siap Bahan mentah		7520	
Alat tulis		88	
			7608
(+) Belian bahan mentah		33566	
Pulangan Bahan mentah		457	
		33109	
<i>Keluar</i>			
Bahan bakar	1348		
Angkutan masuk	320		
butir import	380		
		2048	
			35157
			42765

- (b) Gaji buruh langsung dan alatan kilang direkod dalam komponen kos overhed
(c) Upah buruh tak langsung direkod dalam komponen kos buruh langsung

2. Tidak ada pembahagian yang jelas antara komponen kos

Butir bercampur aduk dalam tiga komponen kos apabila calon yang lemah tidak menulis sebarang pengenalan tajuk kecil untuk komponen kos bahan mentah digunakan, kos buruh langsung dan kos overhed.

3. Merekod butir asing di dalam Akaun Pengeluaran

- (a) butir modal seperti stok alat tulis kilang dan barang siap
(b) perbelanjaan yang berkaitan dengan pejabat seperti gaji kerani pejabat dan kadar bayaran pejabat

4. Komponen belian bersih diselaraskan terus pada stok awal menyebabkan butir seperti duti import dan angkutan masuk terpisah daripada komponen belian

Kilang Batik Kaju			
Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2005.			
Kos bahan mentah	RM	RM	RM
Stok awal bahan mentah	7520	7520	Kos pengeluaran dipindahkan ke Akaun Perdagangan
Belian bhn. mentah	33566		
(-) Pulangan bahan mentah	457		
		33109	
Kos bhn. mentah utk dijual		40629	
(-) Stok akhir bhn. mentah		5570	
		35059	
Duti import bahan mentah		380	
		35439	

5. Calon masih terpengaruh dengan konsep penyediaan Penyata Pendapatan

- (a) Calon yang lemah tidak dapat membezakan antara konsep kos dan belanja menyebabkan komponen kos overhead ditolak daripada kos prima dalam penentuan kos pengeluaran

(*) kos bahan langsung			51600
Gap bahan langsung			64365
(*) kos prima	upah buruh tak langsung	4400	
	lunwang	1440	
	kadalu bayaran	2700	
	Bahan bujukan	960	2-1
	Gaji kerani	5040	
	Rewa kilang	4800	
	Belian alat tulis	248	
	busut motor	1200	
	Bel mpa Am	1532	
			22320
			42445

- (b) Butir kos jualan digunakan bagi menggantikan kos bahan mentah digunakan

6. Penggunaan tajuk yang tidak tepat

- (a) Tajuk tidak selari dengan persembahan Akaun Pengeluaran

Contoh: Tajuk "Akaun Pengeluaran" tetapi persembahannya dalam bentuk penyata atau sebaliknya.

- (b) Tajuk yang tidak tepat bagi setengah komponen kos

Contoh: Tajuk "kos langsung" atau "kos berubah" untuk kos overhead

7. Kelemahan calon dalam pelarasan dan pengiraan

- (a) Kesilapan dalam pengiraan susut nilai alatan kilang dengan menggunakan kaedah baki berkurangan sangat ketara
- (b) Pelarasan alat tulis ditunjukkan dalam jawapan sebagai jalan kerja iaitu tidak dalam kurungan

Kos overhead				37562.03-04
Stok awal alat tulis kilang	88	-		
Bekas alat tulis kilang	248	-		
	336	336		
(-) Stok akhir alat tulis kilang	120	+20		
	-			
Alat-tulis-kilang		216		

Handwritten notes: "jalan kerja" with a scribble and a large "6" next to it.

- (c) Stok awal bahan mentah dan kerja dalam proses diselaras sesama stok akhir bahan mentah dan kerja dalam proses sebelum dicampur dengan komponen kos yang lain
- (d) Pelarasan kerja dalam proses secara operasi terbalik iaitu kerja dalam proses akhir tolak kerja dalam proses awal

8. Menyalin semula soalan dan persembahan Akaun Pengeluaran bermiripkan Imbangan Duga

Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2005		
	RM	RM
Stok bahan mentah	5570	
Barang siap	8756	
Alat tulis kilang	120	
Kerja dalam proses	3753	
Belian bahan mentah		33566
Bahan bakar		1348
Pulangan bahan mentah		457
Insurans kilang		1440
Kadar bayaran		3600
Bahan bungkus		960
Gaji kerani pejabat		5040
Sewa kilang		4800
Upah buruh tak langsung		4400
Belian alat tulis kilang		248
Duti import bahan mentah		380
Angkutan masuk		120
Gaji buruh langsung		21600
Alatan kilang		13500
Peruntukan susut nilai alatan kilang		3000
Belanja am kilang		1532
	18199	95991

Soalan 4

Skop soalan ini sekadar menguji kebolehan calon dalam memahami sedikit aspek asas perakaunan dalam syarikat berhad. Aspek yang diuji ialah pengiraan modal terbit, merekod saham (saham biasa dan saham keutamaan) dalam lejar serta pengiraan dividen bagi saham keutamaan yang telah diterbitkan.

Sangat mengejutkan kerana hanya segelintir sahaja calon yang menjawab soalan ini dan sebahagian kecil daripada calon yang menjawab itu pula tergolong dalam calon kumpulan tinggi. Calon yang cemerlang dapat menjawab semua bahagian dalam soalan ini yang mana jawapan adalah menepati peraturan pemarkahan.

Walaupun bagaimanapun sebahagian besar daripada calon yang menjawab soalan ini gagal menyediakan jawapan yang baik kerana kegagalan menguasai prinsip asas perakaunan iaitu prinsip catatan bergu. Prinsip ini diperlukan bagi membolehkan calon menyediakan catatan lejar dengan tepat dan betul. Calon dalam kumpulan rendah hanya menjawab secara mencuba atau hanya sekadar 'ingin menjawab' sahaja. Dengan itu jawapan calon bercelaru, sukar difahami dan hanya sekadar menggambarkan jawapan 'cuba dan teka' sahaja. Calon dalam kumpulan ini menjawab semua soalan atau menjawab sebahagian soalan sahaja dengan memberikan jawapan yang lemah/ salah.

Terdapat segelintir calon yang jawapannya baik tetapi wujud unsur kesilapan/ kesalahan yang boleh dielakkan. Antara contoh kesilapan/ kesalahan jawapan calon dalam kumpulan ini adalah:

8. Pengiraan Modal terbit

Calon telah menunjukkan kiraan modal terbit bagi modal saham biasa dan modal saham keutamaan tetapi tidak membuat perjumlahan sebagai jumlah modal terbit. Terdapat juga calon yang hanya mengira modal terbit bagi saham keutamaan dan menganggap jumlah itu adalah jumlah modal terbit seperti kehendak soalan.

Handwritten calculations for 'Modal diterbitkan' (Issued Capital):

$$= 400,000 \times 10\% \times \text{RM } 2 = \text{RM } 800,000$$

$$= 100,000 \times 10\% \times \text{RM } 1 = \text{RM } 100,000$$

The calculations are shown as separate lines without a final summation. There are some annotations like 'RM 2' circled and 'RM 1' underlined.

9. Catatan lejar bagi saham-saham yang diterbitkan.

- Calon menyediakan dan merekod akaun lejar yang berkenaan dengan baik tetapi telah tidak mencatat butir dalam akaun dengan lengkap. Misalnya menulis butir 'permohonan' sahaja dalam Akaun Modal Saham Biasa. Butir yang tepat ialah 'Akaun Permohonan Saham Biasa'. Begitu juga butir dalam akaun-akaun yang lain.

Akaun Permohonan Saham Biasa		
2004 Dit: 31 Modal Saham Biasa	R 1,000,000	2004 Dit: 31 Baki 4/2 R 1,000,000
	R 1,000,000	1,000,000
Jani Baki 4/2	R 1,000,000	

Akaun Modal Saham Bina	
2004 DIS 31	Perumahan Batu-bata 1000 1000
37553-511-02	
(ii) Akaun Perumahan Saham Keutamaan	
2004 DIS 31	Modal Saham Keutamaan 800 000
Akaun Modal Saham Keutamaan	
2004 DIS 31	Perumahan 800 000

- (b) Calon membuka dan merekod akaun lejar dengan butir dan angka yang tepat tetapi kedudukan butir dicatat dalam keadaan terbalik iaitu butir yang sepatutnya disebelah debit telah dicatatkan di sebelah kredit dan begitulah sebaliknya. Ini adalah kesalahan yang tidak sepatutnya berlaku dan ianya boleh dielakkan. Kegagalan merekod dengan tepat ini jelas menunjukkan kelemahan ketara calon dalam memahami dan menguasai prinsip catatan bergu yang merupakan prinsip paling asas dan penting dalam ilmu perakaunan.

10. Pengiraan Dividen

Calon tidak pasti bagaimana untuk membuat pengiraan yang tepat untuk menentukan jumlah dividen saham keutamaan. Ini digambarkan dengan jawapan yang ditunjukkan oleh calon. Antara cara pengiraan dividen oleh calon adalah seperti berikut:

- a. peratus x jumlah modal saham diterbitkan

$$\begin{aligned}
 c) & \text{ Bilangan saham keutamaan} \times \text{Nisbi taro} \\
 & = 600\,000 \times 2\% \\
 & = \text{RM } 1200\,000
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 c) & \frac{10}{100} \times (400,000 \times 2) \\
 & = 0.1 \times 800,000 \\
 & = \text{RM } 80,000
 \end{aligned}$$

- b. peratus x jumlah unit saham keutamaan yang diterbitkan
- c. peratus x jumlah unit saham keutamaan yang didaftarkan
- d. peratus x jumlah modal saham didaftarkan

Kelemahan pengiraan ini adalah jelas menunjukkan bahawa pelajar gagal menguasai kemahiran untuk mengira dividen. Cara pengiraan yang tepat ialah:

Peratus x jumlah modal saham keutamaan

Pengiraan boleh melibatkan pengiraan dividen saham keutamaan, pengiraan dividen saham biasa, pengiraan dividen interim serta pengiraan jumlah dividen akhir. Calon mestilah berhati-hati dalam memahami dengan tepat kehendak soalan

Soalan 5

Calon daripada kumpulan tinggi dapat menjawab dengan tepat seperti peraturan pemarkahan. Calon dapat menguasai format Akaun Realisasi, Akaun Modal dan Akaun Bank dengan baik. Penyediaan jawapan adalah menggunakan prinsip catatan bergu di mana penutupan akaun-akaun aset ke Akaun Realisasi dapat dibuat dengan tepat. Ramai calon mengetahui cara mengira rugi realisasi mengikut nisbah untung rugi.

Pada keseluruhannya, calon yang lemah cenderung menggunakan butir yang tidak tepat dalam akaun kerana kelemahan mereka menguasai prinsip catatan bergu. Berikut adalah beberapa kesilapan yang kerap ditemui dalam jawapan calon :

1. Penggunaan butir yang salah dalam Akaun Realisasi, Akaun Bnak dan Akaun Modal pekongsi

- (a) Menggunakan butir dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi untuk menggantikan butir rugi realisasi

Contoh: Butir "pembahagian rugi"/"kongsi rugi" digunakan untuk menggantikan "rugi realisasi"

(a)	Akaun	Akaun Realisasi	
Kenderaan	≡ 21000	Bank	X 32450
Lengkapan	≡ 12616	Pembahagian Rugi	
Penghutang	≡ 8340	Nasir	11382
Stok	≡ 9470	Kwan	7588
	51420		51420

- (b) Butir kenderaan,engkapan, stok dan penghutang digunakan untuk menggantikan butir "bank" dalam Akaun Realisasi
- (c) Baki awal modal pekongsi Nasir dan Kwan direkod dengan butir "Bank" bagi menggantikan "Baki b/b"

2. Tidak konsisten dan menggunakan butir yang salah

(a) semasa merekod rugi atas realisasi atau belanja realisasi

Kelemahan calon dalam penguasaan catatan bergu dapat dikesan melalui catatan rugi realisasi. Akaun Realisasi menggunakan butir "rugi realisasi" manakala dalam Akaun Modal pekongsi menggunakan butir "realisasi".

(b) semasa merekod penutupan Akaun Modal pekongsi

Catatan pembayaran balik modal kepada pekongsi tidak tepat kerana menggunakan butir "Baki h/b" bagi menggantikan butir "Bank"

Akaun Realisasi			
Kenderaan	21000	Bank	32450
Lengkapan	12610		
Penghutang	8340	Rugi Realisasi	
Stok	9470	Modal Nasir	11382
		Modal Ewan	7588
	51420		51420

Akaun Modal Nasir			
Rugi Realisasi	11382	1 September Baki h/b	30000
Baki h/b	18618		
	30000		30000

Akaun Modal Ewan			
Rugi Realisasi	7588	1 September Baki h/b	20000
Baki h/b	12412		
	20000		20000